




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**


HARI KHAMIS : 9 NOVEMBER 2017



KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.10 HINGGA NO. 55)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 9 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap pemberhentian pekerja dalam masa sama masih lagi beroperasi di dalam syarikat lain.

PR-1353-L02926

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Majikan diwajibkan mengemukakan notifikasi kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sebagaimana kewajipan majikan mengemukakan laporan secara bertulis menurut Seksyen 63, Akta Kerja 1955 (Akta 265) sekiranya menjalankan tindakan pemberhentian. Terdapat syarikat yang terjejas akibat ketidakstabilan ekonomi nasional dan global telah memberi kesan kepada keuntungan syarikat mengambil tindakan penutupan sepenuhnya operasi. Namun begitu, terdapat juga syarikat mengambil tindakan menutup sebahagian operasi dan melaksanakan penstrukturan semula perniagaan dan saiz pengeluaran, tenaga kerja serta mengabung anak-anak syarikat yang tidak menjana keuntungan bagi mengurangkan kos.

2. Pekerja-pekerja yang terjejas akibat daripada tindakan pemberhentian perlu memfailkan tuntutan bayaran-bayaran di bawah Akta Kerja 1955, seperti baki gaji, bayaran ganti notis, ganti cuti tahunan berbayar, faedah penamatan dan apa-apa faedah kewangan yang dipersetujui di dalam kontrak perkhidmatan sekiranya suatu kontrak perkhidmatan telah terputus. Tuntutan bagi feadah-feadah kewangan yang dinafikan oleh majikan melalui tuntutan kes di Mahkamah Buruh, di pejabat-pejabat JTK yang berhampiran. Sekiranya syarikat masih lagi beroperasi, pekerja yang terlibat juga berhak untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 atas tindakan

4

pemberhentian yang dianggap dilaksanakan secara tidak adil dan tuntutan untuk dipulihkan semula pekerjaan.

3. Kementerian ini juga telah menubuhkan *Rescue Team* diwakili oleh Jabatan dan agensi di bawah kementerian bagi menangani isu pemantauan bayaran pemberhentian dan penempatan pekerja-pekerja ke industri yang bersesuaian serta menyelaraskan latihan-latihan kemahiran baru bagi membantu pekerja yang dihentikan kerja

4. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tempoh Januari hingga 31 Julai 2017 seramai 22,965 pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah tersebut seramai 20,789 (91%) pekerja terlibat dalam pemberhentian biasa, manakala seramai 2,178 (9%) pekerja terlibat dalam pemberhentian secara sukarela (VSS).

5

SOALAN NO. 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan jumlah terkini majikan yang telah menyediakan TASKA di tempat
kerja dan apakah inisiatif yang dilakukan bagi menggalakkan usaha ini
memandangkan pada masa kini terdapat ramai wanita yang bekerjaya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyokong agar pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja bagi memberi sokongan kepada ibu bapa untuk bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga September 2017, terdapat **237** buah TASKA yang disediakan oleh majikan di sektor awam dan swasta. Daripada jumlah ini, **192** adalah dari majikan sektor awam dan **45** dari majikan sektor swasta.

Bagi menggalakkan pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja, beberapa inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja samada sektor awam mahu pun sektor swasta, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan kementerian atau jabatan Kerajaan menubuhkan TASKA di Tempat Kerja masing-masing bagi memastikan kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989;

- ii. Peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan Kerajaan bagi menubuhkan TASKA di Tempat Kerja di sektor awam; dan

- iii. Pemotongan cukai sebanyak dua kali ganda ke atas majikan yang menyediakan elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA di Tempat Kerja Swasta serta pusat jagaan kanak-kanak selaras dengan Pekeliling Jabatan Hasil Dalam Negeri bertarikh 15 Februari 1996.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, antara inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja ialah mewujudkan *Task Force Ramping Up The Ecce Industry (Task Force ECCE)* yang

berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA termasuk mengadakan pertemuan dengan syarikat-syarikat bagi menerangkan keperluan dan kelebihan TASKA di Tempat Kerja. Antara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan *Task Force Ramping Up The Ecce Industry (Task Force ECCE)* yang berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA termasuk isu penubuhan TASKA di Tempat Kerja;
- ii. Sesi dialog bersama agensi teknikal, Persatuan TASKA Negeri dan pengusaha TASKA bagi mengenalpasti isu-isu berkaitan pendaftaran TASKA dan membincangkan kaedah –kaedah bagi membantu mempermudah pendaftaran TASKA; dan
- iii. Menghasilkan adendum dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi penubuhan TADIKA dan TASKA di bangunan bertingkat yang membenarkan ia beroperasi di bangunan bertingkat tidak melebihi aras 5 bangunan tersebut.

9

Pihak JKM telah mengadakan perjumpaan dengan Penyelaras TASKA Negeri bagi membincangkan status kemajuan pendaftaran TASKA Tempat Kerja dan strategi pendaftaran. Antara strategi-strategi yang telah dilaksanakan:

- i. Mengadakan taklimat kepada agensi Kerajaan dan syarikat swasta berkaitan penubuhan TASKA Tempat Kerja dan insentif yang diperolehi oleh majikan yang menubuhkan TASKA Tempat Kerja; dan
- ii. Mengaktifkan fungsi "*one stop centre*" di peringkat negeri dan daerah bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agensi teknikal dalam pendaftaran TASKA.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui usaha-usaha ini, majikan dapat memberikan kemudahan kepada pekerja yang mempunyai anak-anak kecil serta dapat memastikan anak mereka mendapat asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Sehubungan itu, pihak Kementerian menggalakkan majikan daripada

sektor awam dan sektor swasta meneroka peluang-peluang dan insentif yang disediakan untuk majikan menyediakan TASKA bagi membantu pekerja mereka dalam menguruskan hal ehwal pengasuh anak-anak sewaktu mereka keluar bekerja. Hal ini secara tidak langsung akan membantu negara mencapai matlamat untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita kepada 59 peratus pada tahun 2020.